



UMP, Kolej KLIA meterai kerjasama dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Kolej Profesional dan Pengurusan KLIA (Kolej KLIA) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi meluaskan jaringan kerjasama dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan di samping memperkukuhkan lagi hubungan kedua-dua institusi ini.

Naib Presiden Kanan KLIA Premier Holding Sdn Bhd., Ir. Haji Nazaruddin Mohd Nordin berkata, program menyaksikan acara menandatangani tiga dokumen iaitu berkaitan perjanjian perkhidmatan bagi mengkaji, mencadang dan menyediakan Pelan Tindakan Penambahan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dalam sektor perlombongan dan pengkuarian dan juga melibatkan kajian mengenai kos kemalangan di tempat kerja bagi sektor perkhidmatan utiliti di antara UMP dan KLIA Consult.

"Kami percaya dengan termeterainya perjanjian ini, maka hubungan kerjasama di antara kedua-dua pihak dapat diperluaskan dari masa ke semasa.

"Di antaranya seperti perkongsian ilmu

bagi bidang kajian, perkongsian tenaga pengajar, fasiliti, penawaran program atau kursus sedia ada," katanya yang berucap dalam majlis menandatangani MoU di Kolej KLIA Sepang pada 10 Disember 2013 yang lalu.

Beliau berharap usaha ini akan menjadi inisiatif dalam menyediakan platform terbaik kepada industri pengajian negara.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusof pula mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kolej KLIA yang telah menganjurkan majlis yang bakal membawa dimensi baharu dan lebih kompetitif dalam mewujudkan konteks hubungan dua hala.

Katanya, menjadi hasrat UMP untuk menjajarkan kewujudannya pada koordinat strategik yang dapat memberi nilai tambah kepada bidang-bidang kepakaran dan kebitaraan yang dimilikinya.

Justeru katanya, pihak UMP amat mengalu-alukan kesediaan Kolej KLIA untuk tampil sebagai rakan strategik terkini dalam memacu hala tuju dalam bidang Keselamatan

dan Kesihatan Perkerjaan (OSH) di Malaysia, apatah lagi bidang ini merupakan antara bidang pengajian yang ditawarkan di universiti ini.

"Sebagai sebuah IPTA, maka aktiviti-aktiviti akademik yang dijalankan tidaklah terhad hanya kepada pengajaran dan pembelajaran, tetapi turut meliputi penyelidikan dan perundangan.

"Sejajar dengan perubahan masa dan peredaran zaman, maka perhatian khusus diberikan terhadap pemerkasaan aktiviti penyelidikan dalam bidang OSH melalui Pelan Strategik UMP 2011-2015," katanya.

Selain itu, beliau percaya, komitmen tinggi kedua-dua belah pihak akan membolehkan ikatan strategik ini dilestarikan melalui penerokaan bidang-bidang kerjasama yang berpotensi untuk dikembangkan.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Kolej KLIA, Mejar Bersara Ir. Haji Kamarulzaman Haji Musa, Pengarah Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMO), Ir Dr. Ahmad Rasdan Ismail dan pesyarah Fakulti Teknologi UMP merangkap Ketua Penyelidik iaitu Dr. Norazura Ismail.